

# Sista sederhana PASTI MERANA

*Ketulan kecil pada buah pinggang tak ganggu fungsi tapi sakitnya melampau*

Oleh Zaitie Satibi  
zaisa@hmetro.com.my


Tanpa diketahui dari mana, tiba-tiba timbul ketulan kecil pada buah pinggang. Walaupun ia bukan penyakit, ketulan kecil berbentuk kantung mengandungi cecair itu menyebabkan ketidaksesuaian.

Ketulan kecil ini dikenali sebagai sista sederhana buah pinggang dan ia berbeza dengan sista yang terbentuk akibat penyakit buah pinggang polisistik (PKD) yang juga adalah gangguan genetik. Sista ini tidak mengganggu fungsi buah pinggang seperti penyakit organ itu yang lain tetapi boleh menyebabkan komplikasi kesihatan.

Naib Pengurus Yaysasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) Malaysia, Dr Thiruventhiran Thilaganathan berkata, sista berkenaan dengan saiz kurang lima milimeter (mm) boleh tumbuh pada sebelah atau kedua-dua buah pinggang.

"Sista ini biasanya tidak bersifat kanser dan tidak mendatangkan masalah. Ia juga adalah keadaan perubatan yang biasa dan jarang memerlukan rawatan. Malah, kadang-kala kebanyakan orang tidak menyedari mereka mendapat sista pada buah pinggang mereka."

"Kantung berisi cecair berbentuk bujur atau bulat




ini juga biasanya berlaku pada mereka yang berusia lebih 50 tahun.

"Sista pada peringkat awal tidak mendatangkan masalah dan mungkin tidak perlu dibuang. Namun, sista ini akan membesar sedikit demi sedikit dan lama kelamaan menyebabkan rasa tidak selesa dan pesakit perlu menemui doktor," kata-


nya.

Walaupun sista terbabit tidak menjadikan buah pinggang, gejala ketidaksesuaian akibat sista sederhana ini menyebabkan seseorang berasa sakit antara tulang rusuk dan pinggul, perut, bahagian atas, belakang atau sisi abdomen kerana ia mula menghimpit organ lain.

"Sista yang membesar ini juga boleh menghimpit ureter iaitu saluran yang menghantar air kencing dari buah pinggang ke pundi kencing, menyebabkan masalah membuang



**SISTA sederhana pada buah pinggang.**



air kecil. Tekanan darah juga naik jika sista mula menekan buah pinggang.

"Gejala lain yang mungkin dihadapi adalah demam akibat sista terkena jangkitan, manakala kencing berdarah atau kotor jika kantung sista ini pecah," katanya.

Dr Thiruventhiran yang juga perunding pakar nefrologi berkata, doktor akan melakukan ujian ultra bunyi, imbasan tomografi berkomputer (imbasan CT) atau pengimejan resonans bermagnet (MRI) bagi mendiagnosis sista

sederhana ini.

"Ujian darah dan air kencing pula akan dilakukan jika sista menjaskannya fungsi buah pinggang. Pembedahan mungkin perlu dijalankan jika sista ini menyebabkan masalah tetapi jika tidak mendatangkan apa-apa masalah, doktor hanya akan mengawasi sista ini dari semasa ke semasa."

"Pembedahan menggunakan laparoskop mungkin dilakukan jika saiz sista besarnya melebihi 5mm dan menerusi prosedur ini, sista akan dibuang.

Bagi sista yang menyebabkan gejala atau menyekat saluran air kencing atau darah dalam buah pinggang pula, prosedur 'sclerotherapy' dilakukan iaitu sista dilompongkan dengan suntikan jarum," katanya.

Beliau berkata, mereka yang mengesan keganjilan pada buah pinggang atau mengalami gejala akibat sista sederhana ini perlu menemui doktor bagi periksaan lanjut kerana ada kemungkinan ketulan itu disebabkan penyakit lain seperti kanser.